

06 DEC 2001

PARLIMEN-BELANJAWAN

MALAYSIA BOLEH CATAT PERTUMBUHAN POSITIF BAGI 2001, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mampu mencatatkan pertumbuhan positif bagi keseluruhan tahun 2001 dengan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal RM4.3 bilion meskipun ekonomi negara mengalami pertumbuhan negatif 1.3 peratus pada suku tahun ketiga.

Bagaimanapun, prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2002 pula banyak bergantung kepada perkembangan luar yang masih sukar dan kian mencabar, katanya ketika membentangkan rang undang-undang pembekalan (2002) di Dewan Negara, di sini, hari ini.

Oleh kerana pertumbuhan ekonomi dunia diramalkan lebih perlahan, pertumbuhan ekonomi negara perlu didorong oleh kegiatan dalam negeri, katanya.

"Apa yang diperlukan oleh negara untuk mencatatkan pertumbuhan bagi keseluruhan tahun adalah penggunaan tinggi dan eksport, dan eksport pada Oktober adalah tinggi," katanya kepada sidang media kemudiannya.

Eksport meningkat 4.34 peratus kepada RM28.8 bilion pada Oktober dari September.

(Oleh itu), "Saya berharap akan terdapat pertumbuhan," katanya.

Beliau berkata: "Sekarangpun sudah terdapat petanda pelancong telah kembali semula. Dalam banyak bahagian terdapat petanda-petanda positif."

Pada Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Parliament Oktober lalu, Dr Mahathir menyatakan pertumbuhan ekonomi 2001 telah disemak kepada 1-2 peratus daripada 5-6 peratus sebelumnya.

Bagi mencapai pertumbuhan ekonomi positif dalam keseluruhan tahun 2001, apa yang diperlukan adalah "perkembangan sedikit," katanya.

"Tetapi ingat pada suku keempat 2000, kita mencapai kadar pertumbuhan sangat tinggi. Sukar untuk mencapai tahap seperti itu," kata Dr Mahathir.

Meskipun pertumbuhan suku ketiga adalah negatif, Perdana Menteri berkata Malaysia masih berjaya mengelak kemelesetan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pada tempoh tersebut pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) masih positif sebanyak 0.7 peratus, berbeza dengan beberapa negara di rantau ini yang telah mengalami kemelesetan.

Beliau berkata, Singapura umpamanya, telah mengalami kemerosotan sebanyak 0.5 peratus pada suku kedua dan 5.6 peratus untuk suku ketiga, manakala Taiwan pula 2.4 peratus bagi suku kedua dan 4.2 peratus untuk suku ketiga.

Dr Mahathir berkata pakej rangsangan fiskal RM7.3 bilion yang diperuntukkan bagi 2001 akan membantu meningkatkan ekonomi.

"Kita bernasib baik kerana kita mempunyai tabung untuk menyuntik wang yang agak banyak untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir berkata lebih RM3 bilion daripada pakej rangsangan itu telah digunakan terutamanya ke arah akhir tahun apabila kerajaan membuat pembayaran bagi pelbagai projek yang dilaksanakan di bawah pakej tersebut.

Beliau berkata pakej rangsangan fiskal itu akan digunakan pada tahun ini, tetapi ekor masalah dalam jentera pelaksanaannya, dijangka berlaku sedikit kekurangan.

Justeru, beliau berkata kerajaan sedang berusaha memperbaiki jentera pelaksanaannya untuk memastikan peruntukan dalam Belanjawan 2001 dan peruntukan tambahan RM7.3 bilion di bawah pakej rangsangan itu digunakan sepenuhnya.

Apabila ditanya sama terdapat pakej rangsangan baru, Dr Mahathir berkata "tiada sebarang pakej baru sehingga akhir tahun ini kerana kerajaan telah membuat perbelanjaan dan peruntukan yang diperlukan."

Dr Mahathir berkata, asas ekonomi negara yang terus kukuh telah memberi fleksibiliti kepada kerajaan untuk melaksanakan rangsangan fiskal.

Antaranya termasuklah rizab antarabangsa yang kukuh pada RM116.5 bilion atau AS\$30.7 bilion pada akhir November yang melebihi enam kali hutang luar negara jangka pendek.

Negara juga mencatat lebih perdagangan untuk 48 bulan berturut-turut bagi tempoh November 1997 hingga Oktober tahun ini sementara akaun semasa imbalan pembayaran negara berada dalam kedudukan lebih sebanyak 7.9 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Beliau berkata jumlah pengaliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) juga telah kembali meningkat sebanyak RM3.8 bilion bagi tempoh suku ketiga tahun ini dan ini merupakan peningkatan pertama FDI sejak suku pertama tahun 2000.

Di samping itu, sistem perbankan negara juga kekal teguh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sebanyak 12.7 peratus, melebihi paras lapan peratus piawaian antarabangsa, manakala paras pinjaman tidak berbayar (NPL) masih terkawal, iaitu 8.2 peratus pada akhir Oktober.

Sementara itu tekanan inflasi juga kekal rendah pada kadar 1.4 peratus dalam tempoh Januari hingga Oktober.

Dr Mahathir berkata berasaskan kedudukan ekonomi makro yang masih kukuh, langkah kerajaan untuk merangsang ekonomi merupakan satu tindakan yang bijak.

"Walaupun langkah ini dipersoalkan oleh institusi kewangan antarabangsa, namun dalam situasi yang sama, negara-negara maju juga telah melaksanakan langkah yang sama," katanya lagi.

Di bawah pakej rangsangan ini, pembinaan bangunan dan kuarter kerajaan bagi Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedang giat dilaksanakan.

Beliau juga berkata kerja-kerja penyelenggaraan jalan di kawasan industri akan dimulakan segera.

Dr Mahathir juga ditanya berhubung dakwaan pembangkang Anggota Parlimen Kemaman Abdul Rahman Yusof, dalam sesi perbahasan semalam bahawa angka KDNK rasmi bagi suku ketiga yang diumumkan baru-baru ini adalah mengelirukan.

Abdul Rahman berkata negara sebenarnya mengalami kemelesetan malahan sebelum penguncupan 1.3 peratus dalam suku ketiga.

Dr Mahathir berkata: "Mudah untuk bercakap, tetapi silalah buktikan bahawa kerajaan silap. Angka-angka ini diterima seluruh dunia dan Malaysia tidak menyembunyikan apa-apa."

Beliau berkata apabila penguncupan dicatatkan dalam suku ketiga, kerajaan menjelaskan pertumbuhan negatif manakala bagi pertumbuhan 0.5 peratus (dicatatkan) dalam suku kedua, kerajaan tidak mendakwa ia adalah pertumbuhan 10 peratus. -- BERNAMA

SHO/MAD MKO/MR ZK